

Melayu tidak harus kecewa kata Abdullah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh
ABDULLAH ISMAIL

BUKIT MERTAJAM, Selasa — Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi menyeru orang Melayu Pulau Pinang jangan kecewa dan putus asa kerana ditakdirkan menjadi golongan minoriti di negeri ini.

"Sebagai golongan minoriti, kita mesti bekerja keras untuk memajukan diri sendiri supaya tidak ditenggelamkan oleh golongan majoriti," tegasnya.

Katanya, sejarah dunia membuktikan adanya golongan minoriti yang lebih maju dan menguasai golongan majoriti.

Bellau berkata demikian-ketika berucap di majlis Hari Raya dan kesyukuran kerana perlantikan beliau sebagai menteri penuh, anjuran UMNO Bahagian Bukit Mertajam di Rumah UMNO Bahagian itu di sini petang semalam.

Dua ratus orang hadir dan membaca Surah Yassin beramai-ramai sebagai tanda kesyukuran kerana beliau juga dipilih menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia dan dikurniakan pingat 'Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN)' membawa gelaran datuk oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Awang bin Hassan baru-baru ini.

Datuk Abdullah Badawi juga menggesa pemimpin-pemimpin UMNO Negeri ini berusaha sedaya upaya memberi bimbingan kepada orang Melayu supaya tidak kekal sebagai golongan minoriti yang mundur.

"Kita tidak mahu melihat orang Melayu Pulau Pinang menjadi golongan minoriti yang mundur."

"Sebagai pemimpin politik tugas kita adalah amanah rakyat yang mesti dilaksanakan dengan bersejajuh-sungguh.

"Kejayaan kita sebagai pemimpin politik bergantung kepada sejauh mana tugas yang telah diamanahkan itu kita laksanakan," katanya.

Menurutnya, pemimpin politik hanyalah sebagai alat untuk mencapai cita-cita dan perjuangan orang yang dipimpinya.

"Pemimpin politik adalah seperti galah kepada petani untuk mengambil buah di kebunnya," jelas beliau.

Katanya, tidak akan wujud pemimpin jika tidak ada sokongan dari orang yang dipimpin.

Sokongan padu

Bellau juga mengingatkan pemimpin semua peringkat jangan sombong dan bongkak bila berada di atas.

"Tanpa sokongn rakyat, walau setinggi mana sekali pun seorang pemimpin itu berada, akhirnya akan jatuh juga," tambah beliau lagi.

Datuk Abdullah Badawai berkata, beliau mensifatkan perjuangannya meninggalkan taraf hidup rakyat, khususnya orang Melayu Pulau Pinang, adalah sebagai satu ibadat.

"Bila kita sudah jadikan perjuangan kita sebagai ibadat, kita harap Allah tidak akan selewengkan matalamat perjuangan kita," katanya.

Bellau mengucapkan terima kasih kepada seluruh ahli UMNO Pulau Pinang kerana sokongan mereka kepadanya hingga menarik perhatian pemimpin-pemimpin tertinggi parti dan kerajaan memberikan kepercayaan pula kepadanya.

"Tanpa sokongan yang padu dari seluruh ahli parti, saya tidak akan menjadi pemimpin yang dipercayai oleh pemimpin-pemimpin tertinggi parti kita," katanya.